



SITI NUR SURAYA  
MOHAMED ALI  
International Board Of Certified Lactation  
Ibclco, CEO And Founder Of Lunatots

### Role Model

Semuanya bermula daripada kita. Siapakah role model pertama anak kita? Sudah pasti adalah ibu-bapa yang membesarkan, mendidik dan sering berada di sekitarnya. Bagaimana sikap kita selepas atau semasa menyiapkan sesuatu kerja? Segalanya bermula dengan diri kita.

### Sistem

Usah menjangkakan anak akan pandai menyimpan permainannya dengan inisiatif sendiri. Buat satu jadual di dinding yang menunjukkan tugasan yang perlu dilakukan seperti membuang sampah, menyusun buku di rak, memasukkan mainan ke dalam bekasnya dan menyapu sampah. Lukukannya dalam bentuk bergambar. Anak-anak akan sukakannya. Letakkan ganjaran apabila keseluruhan tugasan dilakukan, ia tidak memerlukan hadiah yang mahal.

### Kesedaran

#### Kesan baik

Waktu sebelum tidur adalah waktu yang sesuai untuk bercerita dan menerapkan nilai baik kepada anak-anak. Bacakan buku tentang kebersihan seperti kepentingan menjaga rumah, Tunjukkan padanya bagaimana watak kegemarannya (mungkin Upin & Ipin) mengemas rumah.

#### Kesan buruk

Penyebab kepada sesuatu perbuatan juga boleh dimaklumkan. Seperti permainan yang tidak dikemas akan membuatkan ibu terpijak permainan dan sakit kaki lalu dihantar ke hospital. Pasti anak kita tidak mahu ini berlaku.

Beritahunya bagaimana permainan kesayangannya akan pecah dan mereka tidak akan dapat bermainnya lagi.

#### Skil

Mengemas merupakan skil atau kemahiran yang anak kita perlu pelajari. Sama seperti berdiri dan melangkah, ia naluri manusia yang suka kebersihan dan kejayaan. Sekiranya arahan kita adalah "kemaskan permainan anda semula", atak anak-anak tidak dapat memproses secepat yang kita sangka. Bantuan penjelasan setiap aktiviti diperlukan seperti arahan "masukkan permainan blok di dalam bekas ini" dan "susun kembali buku di rak buku". Label bagi setiap bekas atau bakul sangat membantu.

### Mulakan Dengan Yang Kecil

Bagi anak-anak proses mengemas semula permainan selepas bermain adalah sukar. Bantu mereka mengecikan skop seperti minta mereka mulakan dengan apa sahaja yang bersaiz kecil seperti permainan blok dan seterusnya permainan yang lebih besar.

Proses ini memberikan makna yang mendalam di mana segala-galanya bermula dengan melakukan perkara yang kecil.

Salah satu ayat yang perlu ibu bapa ingati ialah kita bukan membesarkan anak kecil namun kita sedang menyediakan seorang dewasa. Sikap menyoapkan sesuatu perkara bermula dari habit menyimpan semua permainan selepas bermain di tempatnya.

# 8 Cara Latih Anak Simpan Semula BARANG PERMAINAN

Antara masalah yang lazim dihadapi ibu bapa ialah sikap anak yang tidak mahu menyimpan semula barang permainannya. Acap kali ditinggalkan bersepadu. Namun, sebenarnya, sikap sebegini boleh diberi tunjuk ajar dan dilatih bermula usia seawal satu tahun.

### Pujian

Pujinya setelah melakukan tugasan. Tiba memuji ialah puji sikapnya dan bukannya kelebihan. Contoh "rajinnya anak mama" dan bukannya "pandainya anak mama". Sikap rajin memerlukan beberapa kali pengulangan sebelum menjadikannya sebagai habit. Begitu juga habit memuji.

### Demonstrasi Kehilangan

Demonstrasi tentang bagaimana rasanya sakit untuk kehilangan boleh dilakukan bagi menggalakkan sikap menyimpan semula permainan.

Buat dua bakul. Satu untuk TOYS dan satu lagi berlabel MAMA. Berikan arahan untuk anak memasukkan semula permainannya ke dalam bakul TOYS. Apa sahaja yang tertinggal selepas mereka meninggalkan tempat tersebut akan dikemaskan dan dimasukkan ke dalam bakul MAMA (dan mereka tidak akan dapat bermain dengan permainan itu lagi).

Pastinya ia sesuatu yang anak-anak mahu elakkan. Pulangkan semula permainan tersebut buat kali yang pertama namun untuk kali kedua dan seterusnya - amil dan simpan permainan dalam bakul MAMA.

Kebanyakan ibu bapa yang melabuhkan teknik ini menyatakan anak-anak sangat menjaga kesemua permainan mereka daripada "dikutip" ke dalam bakul MAMA. Ini membuatkan mereka sendiri memastikan tempat mereka bermain kembali kemas dan bersih. Ia tentang rasa kebertanggungjawabannya yang boleh dimulakan sejak anak berusia tiga tahun dan ke atas. <